



Harap sinar Frost

Kuala Lumpur: Satu perubahan baru diharap berlaku dengan ketibaan Pengarah Teknikal Persatuan Badminton Malaysia (BAM) Morten Frost Hansen.

Demikian harapan Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN) Datuk Ahmad Shapawi Ismail ketika diminta mengulas kehadiran Frost yang akan melapor diri ke BAM, Isnin ini.

"Sudah semestinya saya gem-

biru dengan kehadiran Frost kerana beliau pernah bekerja di sini dan sayapun pernah bekerja dengannya.

"Diharapkan dengan kerjasama semua pihak, saya yakin akan berlaku perubahan dalam struktur program latihan skuad negara sekali gus meningkatkan prestasi sukan badminton negara," katanya ketika ditemui selepas memberikan ucapan pada Bengkel

Pelan Pembangunan Sukan semalam.

Jelas Ahmad Shapawi, beliau akan bersemuka dengan Frost pada Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (JKK) antara MSN dengan BAM pada minggu depan.

"Pada masa itulah baru kita akan mengadakan perbincangan bersama termasuklah soal KPI (Indeks Petunjuk Prestasi) untuk Frost," katanya.

Timbalan Presiden BAM Datuk Seri Mohamad Norza Zakaria menerusi laporan Arena Metro semalam mengesahkan Frost melapor diri pada Isnin ini.

Difahamkan BAM akan memberikan tanggungjawab kepada bekas jaguh perseorangan Denmark itu untuk menjadikan Malaysia antara tiga negara kuasa besar badminton menjelang 2020.

Waspada risiko

HARIAN METRO (M/S. 95.)

strok haba

28/2/15

Kuala Lumpur: Atlet yang beraksi dan menjalani latihan dalam cuaca panas terdedah kepada risiko tekanan haba dan strok haba, menurut Institut Sukan Negara (ISN).

ISN dalam kenyataan semalam menyatakan, tekanan haba boleh menyebabkan spektrum penyakit bermula daripada ringan, semakin teruk hingga kepada keadaan lebih serius seperti keletihan haba dan strok haba.

Strok haba, satu bentuk penyakit serius berkaitan haba, salah satu daripada tiga punca utama kematian dalam kalangan atlet, namun penyakit haba itu boleh dicegah.

"Apabila atlet berlatih, suhu badan tinggi dan badan berpeluh dan menyejukkan untuk menurunkan sendiri suhu badan. Semasa proses ini, cecair badan dan juga elektrolit penting hilang.

"Jika badan tidak diisi semula dengan cecair dan elektrolit, dehidrasi boleh berlaku dan meningkatkan risiko penyakit haba seperti strok haba," menurut kenyataan itu.

Tanda-tanda penyakit haba termasuk seram sejuk, air ken-

cing berwarna gelap, mulut kering, sakit kepala, dahaga dan lemah.

Jika penyakit haba berterusan, tanda-tanda lebih serius seperti kesukaran bernafas, suhu badan meningkat kepada tahap berbahaya, kekejangan otot, loya dan

berasa kebas pada kaki dan tangan serta boleh menyebabkan kematian.

Kebanyakan yang terjejas adalah atlet olahraga yang perlu menjalani latihan dalam keadaan trek panas.

Jurulatih pe-cut negara K Jayabalan, bagaimanapun berkata, keadaan cuaca panas tidak mengganggu jadual dan la-

tihan atlet bagi menghadapi Sukan SEA 2015 di Singapura pada Jun.

"Setakat ini, semua atlet dalam keadaan baik, ISN sudah memberi nasihat dan memantau atlet untuk menjaga kesihatan mereka. Atlet juga dinasihatkan untuk mengurangkan aktiviti luar. Saya tidak mahu keadaan ini memberi kesan kepada persembaan untuk Sukan SEA akan datang," katanya. - BERNAMA

“Setakat ini, semua atlet dalam keadaan baik, ISN sudah memantau atlet untuk menjaga kesihatan mereka. Atlet juga dinasihatkan untuk mengurangkan aktiviti luar. Saya tidak mahu keadaan ini memberi kesan kepada persembaan Sukan SEA akan datang”

K Jayabalan

Khalid gesa henti 'tikam lidah', fokus bola sepak

'Jangan cari salah FAM semata-mata'

KOSMO (M/S. 63)
28/2/15.

Oleh AHMAD FAZLI MOHD. YADI
fazli.yadi@kosmo.com.my

SEBAIK Presiden Persatuan Bola Sepak Negeri Johor (PBNJ), Tunku Ismail Sultan Ibrahim melepaskan jawatan sebagai penasihat Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), ramai tampil memberikan respon dan reaksi.

Ada yang menyokong pendirian Tunku Ismail dan ada segelintir pihak mengesakan tindakan baginda berpunca daripada ketidakpuasan hati disebabkan tindakan FAM yang didakwa 'berat sebelah' kerana enggan menunda sehari lebih awal perlawanan Johor Darul Takzim (Johor DT) menentang Selangor pada aksi Liga Super Sabtu minggu lalu.

Sebelum itu, PBNJ berhasrat untuk mengadakan sehari awal aksi menentang skuad Gergasi Merah bagi memberikan laluan kepada pertemuan menentang East Bengal dalam saingan Piala AFC.

Bagaimanapun, FAM ketika itu mendedahkan, keputusan untuk mengadakan sehari lebih awal bergantung kepada Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) yang mengekalkan pendirian untuk beraksi pada Sabtu yang mana kedua-dua pasukan terikat 1-1 pada aksi di

Stadium Shah Alam.

Pelbagai pihak telah memberikan reaksi termasuk mengutuk kepimpinan FAM yang dilihat mengabaikan Tunku Ismail dan tidak kurang juga yang bersetuju dengan tindakan Tunku Mahkota Johor melepaskan jawatan selaku penasihat FAM.



Menurut pengkritik bola sepak negara, Khalid Ali (**gambar**), sudah tiba masanya semua pihak memainkan peranan tersendiri yang mana fokus kepada pembangunan bola sepak

negara dan bukannya menggunakan pendekatan 'bertikam lidah' untuk menunjukkan siapakah lebih bagus.

"Melihat apa yang berlaku dalam dunia bola sepak negara sekarang, ia cukup menyedihkan. Sejajurnya, tidak adil untuk menyalahkan FAM. FAM hanya mentadbir persatuan dan sepatutnya (persatuan) negeri yang bertanggungjawab melahirkan pemain-pemain setaraf kualiti dunia, bukannya FAM.

"Saya percaya kita semua nampak usaha itu giat dilakukan oleh PBNJ tetapi saya hairan mengapa semua masih sibuk 'bertikam lidah'. Apakah bola sepak kita sebenarnya masih berada di takuk lama?"

"Kita masih memerlukan idea-idea Tunku Ismail tetapi kita juga memerlukan pengalaman luas Pres-

iden FAM, Tengku Abdullah (Sultan Ahmad Shah). Mengapa kita semua tidak duduk berbincang bersama demi bola sepak negara?"

"Cukup-cukuplah untuk mengutuk mana-mana pihak. Kita seharusnya berusaha memandang ke sudut lebih positif bukannya menyalahkan mana-mana pihak. Sudah tiba masanya kita bangkit," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Dalam perkembangan sama, Khalid menegaskan, persatuan negeri, atau kelab harus mencontohi kesungguhan PBNJ dalam usaha melahirkan pemain-pemain elit lebih ramai tanpa mengharapkan bantuan sepenuhnya daripada FAM.

"Bagi memajukan bola sepak, anda tidak boleh mengharapkan satu individu sahaja. Semua pihak kena main peranan. Kita harus puji usaha yang dilakukan oleh PBNJ.

"Sama ada kamu suka atau tidak, langkah mereka harus diberikan perhatian kerana PBNJ sendiri berusaha untuk melahirkan lebih ramai pemain-pemain berbakat negara dan inilah seharusnya menjadi contoh kepada persatuan atau kelab lain di Malaysia.

"Saya berharap setiap persatuan atau kelab memahami skop FAM kerana FAM hanya mentadbir persatuan bola sepak negara, bukannya melahirkan pemain-pemain kerana itulah tugas persatuan dan kelab," ujarnya.

Raih 50 peratus pingat Sukan SEA sudah memadai - Shapawi

KUALA LUMPUR - Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Ahmad Shapawi Ismail beranggapan bahawa setiap sukan wajar meraih 50 peratus pingat tanpa mengira warna daripada acara yang mereka sertai dalam Sukan SEA Singapura, Jun ini.

Katanya, sekali-pun peratusan itu bukan satu sasaran daripada pihaknya, angka itu difikirkan wajar sekiranya persatuan sukan berkenaan fokus untuk menjadikan temasya dwitahunan itu sebagai medan pendedahan kepada atlet pelapis dan remaja mereka sahaja.

"Tidak semestinya kena dapat emas jika Sukan SEA ini platform pendedahan atlet pelapis dan remaja seperti tradisi kita apabila menghadapi Sukan SEA sebelum ini.

"Sebagai contoh jika badminton menyertai ketujuh-tujuh acara yang dipertandingkan dalam

Sukan SEA, mereka dapat empat gangsa sekurang-kurangnya pun sudah mencukupi.

"Hanya jika tidak dapat apa-apa langsung, barulah dikira gagal tetapi mengapa tidak mereka cuba sasarkan emas kerana masih

ada insentif yang ditawarkan kepada pemenangnya," katanya selepas merasmikan Bengkel Penulisan Pelan Induk Sukan Fasa 1 Jangka Panjang 2015-2022/23 di Pusat Kecemerlangan Sukan Paralimpik di Kampung Pandan di sini semalam.

Antara yang terlibat dalam bengkel itu ialah Majlis Olimpik Malaysia, Kementerian Pendidikan, In-

stitut Sukan Negara (ISN), majlis sukan negeri-negeri dan persatuan sukan kebangsaan khususnya bagi fasa ini iaitu angkat berat, badminton, olahraga, akuatik, memanah, skuasy, menembak, pelayaran dan berbasikal.



AHMAD SHAPAWI

KOSMO (M/S. 63)

28 February 2015

Cuma salah faham - FAM

UTUSAN MALAYSIA (M/S. 28)

Oleh SUFIAN HADI MOHD.
SOJAK 28 Feb 2015
sukah@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR

PERSATUAN Bolasepak Malaysia (FAM) mengakui telah dimaklumkan oleh Persatuan Bolasepak Negeri Pahang (PBNP) mengenai tarikh ketibaan mereka dan tidak timbul soal ada pihak yang menipu.

"Pahang tidak memberikan maklumat yang salah. Mereka telah pun memaklumkan kepada FAM mereka akan tiba di ibu negara pada malam tadi kelmarin dan hanya hari ini (semalam) pulang ke Pahang," kata Setiausaha Agung FAM, Datuk Hamidin Mohd. Amin.

Beliau mengulas persoalan yang ditimbulkan oleh Presiden Persatuan Bolasepak Negeri Johor (PBNJ), Tunku Ismail Sultan Ibrahim sama ada Pahang 'menipu' tarikh penerbangan pulang selepas beraksi dalam kempen Piala AFC di Mandalay, Myanmar.

Isu itu timbul kerana PBNJ sebelum ini meminta perlawanan Liga Super dengan Selangor pada Sabtu lalu diawalkan sehari untuk memberikan mereka rehat empat hari sebelum menentang East Bengal dalam Piala AFC namun tidak dapat diluluskan oleh FAM kerana ditolak oleh Red Giants.

Permohonan Pahang untuk melewati sehari pertemuan dengan JDT dalam Piala AFC pula mendapat kebenaran FAM yang berpendapat pasukan itu mempunyai asas kukuh kerana hanya akan mendapat rehat selama dua hari selepas pulang dari Mandalay.

Menurut Hamidin, isu itu timbul disebabkan faktor salah faham dan pertemuan di antara juara bertahan Pahang dengan juara Liga Super musim lalu, Johor Darul Ta'zim (JDT) dalam saingan Piala FA akan tetap berlangsung mengikut jadual iaitu pada Isnin depan.

Tambahnya, beliau juga telah memaklumkan perkara itu kepada Tunku Ismail dan Tunku Mahkota Johor itu sendiri bersetuju perlawanan di Stadium



HAMIDIN MOHD. AMIN

Darul Makmur, Kuantan itu akan berlangsung pada tarikh yang ditetapkan.

"Perkara itu juga telah dimaklumkan kepada pihak PBNJ. Mungkin berlaku perbezaan pemahaman yang membabitkan pasukan tersebut tiba di Malaysia atau Pahang sahaja.

"Apapun, saya melihat tiada sebarang isu atau isu ini sebenarnya sudah selesai dan saya telah menghubungi Tunku Ismail (untuk memberi penjelasan)," katanya ketika dihubungi semalam.

Dalam pada itu, Hamidin turut memuji keprihatinan Tunku Ismail untuk bertandang ke Kuantan bagi menyaksikan pasukannya, Johor Darul Ta'zim (JDT) berdepan dengan skuad Tok Gajah kelak.

"Tunku Ismail memahami tentang situasi ini dan FAM mahu mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Tunku Ismail yang bersetuju bahawa perlawanan itu diteruskan di Stadium Darul Makmur," katanya.

Mengembalikan kegemilangan badminton negara

Harapan tinggi kepada Morten Frost

UTUSAN MALAYSIA (M/S) 28 Februari 2015

KETUA Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Ahmad Shapawi Ismail (**gambar**) meletakkan harapan tinggi kepada Pengarah Teknikal baharu BAM, Morten Frost bagi mengembalikan semula kegemilangan badminton negara.

Beliau berkata, pelantikan jurulatih dari Denmark itu hasil persetujuan bersama Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dan Persatuan Badminton Malaysia (BAM).

"Dari segi KPI (Petunjuk Prestasi Utama), kami akan berbincang selepas bertemu dengan beliau (Frost). Sudah semestinya saya tidak sabar untuk bertemu dan berbincang tentang perancangan beliau.

"Beliau pernah berada di sini dan saya pernah bekerja dengannya, saya berharap dengan kerjasama semua pihak, struktur program badminton akan berlaku satu perubahan yang kita harapkan terutamanya dalam meningkatkan prestasi sukan badminton negara," katanya.



Frost yang akan memulakan tugas rasminya Isnin ini, mempunyai kontrak bersama MSN sehingga 31 Dis 2020.

Ahmad Shapawi berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pelan Tindakan Bengkel Sukan Fasa 1 2015 di Pusat Kecemerlangan Sukan Kampung Pandan, Kuala Lumpur semalam.

Bengkel yang diadakan selama tiga hari itu membincangkan transformasi sukan negara yang melibatkan sembilan persatuan sukan iaitu angkat berat, badminton, olahraga, akuatik, memanah, skuasy, menembak, pelayaran dan berbasikal.

"Menteri (Khairy) telah menyebut tentang penstrukturan semula sukan berprestasi tinggi. Terdapat dua kaedah iaitu pengurusan prestasi yang dikenali sebagai program podium dan pengurusan program sedia ada yang pernah dilaksanakan sebelum ini," katanya.

Beliau berkata, program po-

dium ialah platform atlet berprestasi tinggi bagi meraih kejayaan lebih besar dalam temasya sukan yang lebih kompetitif.

"Contoh, kita dapat melahirkan atlet lebih baik daripada penyumbang pingat emas di Sukan SEA, jadi program podium itu akan membantu atlet-atlet tersebut lebih cemerlang di peringkat lebih tinggi," katanya.

Ahmad Shapawi berkata, Institut Sukan Negara (ISN) bertanggungjawab memilih atlet berprestasi tinggi untuk diserapkan dalam program podium itu.

Katanya, elemen lain yang perlu diberi penekanan adalah program pembangunan atlet setiap peringkat, program pembangunan kejurulatihan, program pembangunan pertandingan kompetitif setiap peringkat, program pembangunan infrastruktur dan program pembangunan organisasi.

Turut terlibat dalam program tersebut ialah Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Kementerian Pendidikan dan Majlis Sukan Negeri. - Bernama



Putrajaya bakal hab bola sepak Asia

Asia

UTUSAN MALAYSIA (M/S. 28)

KUALA LUMPUR -

Putrajaya bakal menjadi hab bola sepak di rantau Asia menjelang 2019 menerusi rancangan Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) untuk membina akademi baharu seluas 2.4 hektar. 28 Feb 2015

Setiausaha

Agungnya, Datuk Alex Soosay berkata, akademi bola sepak baharu yang dikenali sebagai pusat kecemerlangan AFC akan dibina di Putrajaya dan bersebelahan dengan ibu pejabat Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) dan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM).

Tambahnya, akademi itu akan menumpukan kepada program pembangunan belia dari peringkat akar umbi selain melahirkan bakat-bakat baharu bola sepak di benua terbesar ini.

"Ia akan menjadi pusat pembangunan bola sepak yang besar di mana kita akan mempunyai padang bola sepak, padang mini, mini hotel bagi menjalankan program-program dari peringkat akar umbi.

"Peluang pekerjaan akan disediakan dalam bidang bimbingan, latihan, pembangunan, pengadil dan juga kakitangan teknikal," katanya selepas majlis penyerahan sumbangan Toyota Innova kepada AFC di AFC House, Bukit Jalil semalam.

AFC ditubuhkan pada 8 Mei 1954 di Manila, Filipina dan kini mempunyai 46 ahli gabungan. Badan induk bola sepak Asia itu mula berpindah ke ibu pejabat baharu di Bukit Jalil yang dinamakan AFC House pada 2000.